



Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Mengintergrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berdasarkan Model Dick and Carey di Negeri Perak

Mohd Syaubari Bin Othman¹ and Ahmad Yunus Bin Kassim²

^{1,2}Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

Corresponding email: syaubari@gmail.com, yunus@fsk.upsi.edu.my

Article Information

Keywords

Curriculum, Dick & Carey, HOTS

Abstract

The goal of education is to produce students who are knowledgeable, faithful, competent, do good deeds and noble character based on the Qur'an and Sunnah. Consequently, the implementation of quality curriculum should be implemented through integrate HOTS through contributions towards enhancing the understanding, appreciation and application. To this end, it depends on the cycle execution carried out by the Islamic education teachers to ensure effective curriculum in developing practices that integrate PdP HOTS effectively. The curriculum of Islamic education that integrate HOTS can be seen through the guidelines have been produced by the Ministry of Education. The study is a descriptive analysis of the study is aimed at getting an overview of the effectiveness of the implementation of Islamic education curriculum that integrate KBAT Dick & Carey model based in Perak involving 113 teachers using a questionnaire as an instrument. Based on the findings showed that the level of teaching, teachers in integrating HOTS in Islamic education is at a high level with the mean value exceeds 4.00. To that end, a number of improvements should be implemented in line with the wishes of integrating HOTS for Malaysian Education Development Plan (2013-2025).

Informasi Artikel

Kata Kunci

Kurikulum, Dick & Carey, KBAT

Abstrak

Matlamat pendidikan Islam bertujuan untuk melahirkan murid yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan Al Quran dan As Sunnah. Lanjutan daripada itu, pelaksanaan kurikulum yang berkualiti perlu dilaksanakan menerusi pengintergrasian KBAT menerusi sumbangan ke arah mempertingkatkan keupayaan kefahaman, penghayatan dan pengaplikasian. Bagi mencapai matlamat tersebut, ianya banyak bergantung kepada kitaran pelaksanaan yang dilaksanakan oleh guru pendidikan Islam bagi memastikan keberkesanan kurikulum di dalam membangunkan amalan PdP yang mengintergrasikan KBAT dengan berkesan. Sumber penentuan kurikulum pendidikan Islam yang mengintergrasikan KBAT ini dapat dilihat menerusi panduan yang telah

dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian yang berbentuk kajian secara analisis deskriptif ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang keberkesanan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT berasaskan model Dick & Carey di Negeri Perak yang melibatkan 113 orang guru dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen bagi memprolehi data kajian. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan tahap pelaksanaan pengajaran, guru-guru PI di dalam mengintegrasikan KBAT berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min melebihi 4.00. Untuk itu, beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan di dalam mengintegrasikan KBAT seiring dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

LATAR BELAKANG KAJIAN


Penghasilan kurikulum yang berkualiti merupakan aspek penting dalam membentuk generasi yang seimbang. Menurut (Tamuri & Ajuhary, 2010; Naw, 2011). yang menegaskan bahawa pendidikan memainkan peranan yang amat penting di dalam proses pembangunan sumber daya manusia di sebuah negara. Pendidikan berkualiti tersebut boleh didefinisikan sebagai sistem pendidikan yang dapat memenuhi keperluan dan harapan pengguna serta melalui proses penambahbaikan yang dilaksanakan secara berterusan.

Oleh itu, pendekatan kualiti yang digunakan di dalam pendidikan Islam adalah suatu pendekatan untuk mewujudkan sebuah institusi pendidikan yang efisien serta efektif bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Untuk itu, peranan dan tanggungjawab guru di dalam proses pengajaran adalah penting di dalam membentuk individu insan yang sempurna, berperanan sebagai sebagai pendidik, pemudahcara atau fasilitator. Selain itu, guru bertanggungjawab menyampaikan pengetahuan dengan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala bagi guru yang tidak berupaya menyampaikan pengajaran akan menyebabkan pelajar sukar untuk memahami sesuatu konsep atau kemahiran, malahan ianya akan menyebabkan pengajaran guru akan membosankan dan murid-murid tidak dapat memberi tumpuan di dalam pelajaran (Baba, 2009; Ghani et al, 2013).

Perhubungan di antara pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT dengan perhubungan model reka bentuk (Dick & Carey, 2006) melibatkan komponen pelajar, pengajar, bahan pengajaran dan persekitaran pembelajaran. Rajah 1 menunjukkan model reka bentuk pengajaran (Dick & Carey, 2006) dengan setiap langkah di dalam model ini menerima input daripada langkah sebelumnya dan memberi output kepada langkah berikutnya.

- i) Analisis
- ii) Reka bentuk
- iii) Penyelenggaraan
- iv) Implementasi
- v) Pengujian
- vi) Pembangunan

Rajah 1: Model Reka Bentuk Pengajaran (Dick & Carey, 2006)



KONSEP PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT).

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah kemahiran yang memerlukan mengorganisasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk menghuraikan, menterjemahkan, mencipta, merefleksikan dan menghubungkan dengan situasi semasa. Penekanan KBAT ini dalam sistem pendidikan negara adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah dilaksanakan bermula 1993. Proses pelaksanaan KBAT di Malaysia adalah bersumberkan Taksonomi Bloom dan diubahsuai oleh Lorin Anderson menerusi empat heiraki teratas iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Transformasi kurikulum pendidikan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memberi penekanan utama terhadap konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berupaya melahirkan generasi bersumberkan pemikiran kritis dan kreatif. Pendekatan ini diperkenalkan untuk mencapai matlamat utama pendidikan iaitu menghasilkan lebih banyak pelajar yang mempunyai keupayaan kognitif aras tinggi melalui pedagogi secara pembelajaran aktif di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Namun, matlamat ini masih belum tercapai sepenuhnya, maka pelbagai pendekatan telah diperkenalkan untuk menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21 agar negara mampu bersaing di persada dunia. Menurut (Amabile & Pillemer, 2012; KPM, 2014).

“Jika inginkan pelajar yang berpotensi untuk berfikir dan mampu menyelesaikan masalah kita perlu mula menyediakan tugas tugas yang kompleks yang berkognitif tinggi ”.

Maka pengertian ini bertepatan dengan penekanan yang diberikan oleh Islam iaitu keupayaan akal merupakan elemen utama dalam pembentukan pelajar yang bersifat holistik iaitu keseimbangan di antara kecemerlangan akademik dan kematapan sahsiah. Islam menekankan penggunaan keupayaan akal yang optimun sejak beratus tahun dahulu sebelum barat memperkenalkan, namun ianya tidak digarapkan dan ditransformasikan sehingga memperlihatkan bahawa ilmuan barat yang telah meneroka pemikiran aras tinggi ini (KBAT) (Sulaiman & Pg Hj Hashim, 2011; Zuraidah, 2013). Ini dibuktikan dengan ungkapan oleh Muaz Bin Jabal ketika ditanya oleh Rasulullah s.a.w :

“Bagaimana engkau akan memutuskan hukum jika ditanyakan perkara kepadamu?” Mu’adz menjawab, “Saya akan memutuskan perkara itu sesuai dengan hukum Allah (Kitabullah). Apabila aku tidak menjumpai di dalam Kitabullah, aku akan memutuskan dengan Sunnah Rasulullah, saya akan melakukan ijtihad dengan kemampuanku”(Abd Karim Zaidan, 2006).

Maka proses tranformasi Pendidikan Islam telah dirangka berdasarkan pelaksanaan pengajaran guru di sekolah melalui pengubahsuaian melibatkan komponen keupayaan kurikulum, pembentukan budaya sekolah, penambahbaikan pengetahuan guru dan tahap kemampuan pelajar di dalam mengaplikasi setiap isi kandungan pembelajaran yang diperolehi agar matlamat pengajaran dan pembelajaran (PdP) berorientasikan KBAT dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya membentuk penghayatan akidah yang mantap (Nawi, 2011; Zuraidah, 2013).

Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi menurut (Brookhart, 2010) adalah mempersoalkan, berupaya, memahami dan menganalisa sesuatu untuk memahami pemikiran sendiri dan orang lain. Di antara aktiviti yang boleh dijalankan untuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini adalah melalui berfikir aktif, melihat konteks persekitaraan berdasarkan persepektif yang berbeza dan menyusun setiap idea dengan teratur (Hassan et al, 2008; Saad, et al 2012). Maka di dalam kajian ini akan bagaimana pengajaran guru di dalam melaksanakan KBAT menerusi penggunaan model Dick & Carey

Kemahiran membuat kategori.

Kemahiran ini memerlukan keupayaan pelajar untuk membina kefahaman tentang perbezaan yang wujud di dalam sesuatu kandungan seperti amalan ibadah yang dikategorikan ibadah atau yang dikategorikan adat. Maka menjadi keperluan kefahaman pelajar di isi dengan pengetahuan amalan ibadah dan adat seperti yang terdapat di dalam kandungan pengajaran (Hassan et al, 2008)

Kemahiran menyusun mengikut urutan.

Penyusun mengikut urutan adalah kemahiran yang dijana menerusi pemikiran yang kritikal dan tersusun. Penyusunan ini melibatkan sama ada daripada abstrak kepada kejelasan, mudah kepada susah, khusus kepada

umum dan keutamaan kepada kebiasaan. Penyusunan ini dilakukan dengan mengumpul keseluruhan isi kandungan dan diteruskan dengan penganalisaan yang tinggi di dalam memastikan susunan yang dilakukan adalah bertepatan dengan struktur ilmu terbabit (Nagappan, 1998; Hassan et al, 2008).

Kemahiran membuat ramalan.

Kemahiran mengandaikan perkara yang dijangka berlaku daripada pendekatan yang kita gunakan adalah melalui terma-terma yang telah ditetapkan. Keupayaan untuk menjangka ini memerlukan menganalisis dan menilai keseluruhan item agar segala dapatan menuju kepada perkembangan yang sepatutnya. Kemampuan membuat ramalan mampu menjadikan pembudayaan untuk menganalisis dan seterusnya membentuk keputusan yang tepat (Lockman & Noordin, 2008).

Kemahiran menjana idea.

Keupayaan pelajar untuk mengembangkan fakta yang di dapati berdasarkan pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Proses penjanaan idea ini memerlukan penstrukturan dan panduan agar idea yang dikembangkan bertepatan dengan kehendak objektif yang dikendaki. Proses penjanaan idea ini memerlukan penguasaan kemahiran oleh guru melalui kefahaman berkaitan bagaimana idea yang seharusnya dikembangkan dan dihubungkan dengan idea yang lain (Sulaiman et al, 2011).

Kemahiran mencipta definisi.

Keupayaan pelajar untuk mendefinisikan sesuatu perkara menandakan kefahaman yang ada pada pelajar. Definisi merupakan gambaran keseluruhan sesuatu kandungan ilmu yang menjadi kerangka untuk penghuraian seterusnya yang lebih mendalam. Guru bertanggungjawab membimbing pelajar untuk mempunyai kemahiran di dalam pendefinisian sesuatu kandungan ilmu walaupun setiap pelajar mungkin mempunyai kepelbagaian definisi tetapi selagi berada di dalam lingkungan ilmu tersebut, maka definisi tersebut harus diterima (Hassan et al, 2008; Sulaiman, 2011).

Kemahiran mencipta analogi.

Proses kemahiran untuk mencipta perumpamaan atau analogi memerlukan kefahaman yang sepenuhnya di dalam kandungan ilmu kerana perhubungan kandungan ilmu dengan situasi semasa memerlukan keupayaan menganalisa dan mengaplikasi yang tinggi di kalangan pelajar. Ketidakkampuan untuk mencipta analogi menandakan penguasaan yang belum sepenuhnya berkaitan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), maka guru perlu menerapkan kemahiran ini di dalam setiap pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang akan di jalankan (Hassan et al, 2008; Lockman & Noordin, 2008).

Pelaksanaan KBAT ini melibatkan keseluruhan kandungan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah termasuk mata pelajaran pendidikan Islam. Pengenalan kurikulum, pedagogi dan penilaian yang menekankan KBAT ini adalah bersumberkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula diperkenalkan pada tahun 2011. Pembentukan kurikulum ini bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan menekankan pembelajaran Pendidikan Islam berupaya mengaplikasikan konsep penghayatan dan pengalaman di dalam kehidupan seharian seiring dengan penekanan yang ditekankan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah (Zuraidah, 2013).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif iaitu kajian tinjauan, ianya akan menggunakan instrumen soal selidik yang melibatkan 30 item dengan dibahagikan kepada 6 aspek utama iaitu analisis, reka bentuk, penyelenggaraan, implementasi, pengujian dan pembangunan. Item di gabungkan dengan 4 elemen utama di dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berasaskan Taksonomi Bloom (ubahan Anderson) iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta

Bagi populasi kajian ini terdiri daripada guru pendidikan Islam yang mengajar di sekolah sekitar negeri Perak yang berjumlah 113 orang guru. Kajian ini mengambil pendekatan pemilihan sampel berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh (Krejcie & Morgan, 1970) dengan disesuaikan berdasarkan beberapa pandangan daripada (Cohen, 1981; Konting, 2005). Menurut (Abdul-Ghafar, 2003.) terdapat empat kaedah utama di dalam membuat persampelan iaitu persampelan rawak mudah, persampelan rawak berlapis, persampelan berkelompok dan persampelan sistematik. Kaedah persampelan ini dipilih mengikut kesesuaian kajian. Oleh yang demikian,

di dalam kajian ini pengkaji memilih persampelan berkelompok dan mudah iaitu sampel kajian ditentukan berdasarkan pemeringkatan zon iaitu zon utara, zon tengah dan zon selatan.

Kajian ini menggunakan set soal selidik yang akan diedarkan ke atas setiap responden. Set soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A berkaitan dengan demografi responden. Manakala bahagian B berkaitan dengan objektif kajian iaitu tahap pertama tentang penguasaan pelaksanaan pengamalan, tahap kedua iaitu pengetahuan guru dan tahap ketiga adalah tahap keupayaan penerimaan murid. Terdapat 30 soalan yang telah dikemukakan kepada responden menerusi bahagian ini. Soal selidik ini dibina dan diubah suai berdasarkan soal selidik yang digunakan oleh (Dick & Carey, 2006; Anderson, 2004; Sulaiman, 2011, KPM 2014). Menurut (Abdul-Ghafar, 2003.) pengkaji boleh membina sendiri skala kajiannya namun memerlukan kesahan dan kebolehpercayaan seperti yang telah ditetapkan.

Oleh itu, pengkaji membina, mengubahsuai dan mengintergrasikan soal selidik yang berasaskan kepada skala likert dan dipilih berdasarkan tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Skala pemeringkatan likert 1 hingga 5 digunakan oleh responden di dalam membuat pilihan jawapan dengan hanya menandakan jawapan yang dipilih pada nombor likert. Data di analisis secara deskriptif bagi menggambarkan dan mengukur mengikut skala min pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam yang mengintergrasikan KBAT. Penentuan skala min seperti di dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Julat Skor Tahap Amalan Guru

Julat Skor	Tahap Amalan
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sebelum kajian sebenar dilakukan, pengkaji menganalisis menggunakan ujian *Alpha Cronbach* kepada dan di dapati dapatan analisis kebolehpercayaan yang dijalankan terhadap instrumen yang digunakan menunjukkan nilai alpha mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.86.

Dapatan Kajian

Profil Responden

Jadual 2 di bawah menunjukkan latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden terdiri daripada 113 orang guru-guru pendidikan Islam yang melibatkan seramai 31 orang guru lelaki (ustaz) (27%) dan 82 orang guru perempuan (ustazah) (72.6%). Guru-guru berkenaan mengajar di seperti kawasan Zon Perak Utara melibatkan 32 orang guru (28.3%), Zon Perak Tengah 55 orang (48.6%), Zon Perak Selatan 26 orang (23%). Berdasarkan profil responden yang dibahagikan kepada jantina, taraf kelulusan akademik, kategori sekolah dan kursus KBAT yang pernah dihadiri.

Dari segi latar pendidikan responden, kebanyakan guru-guru yang terlibat dengan kajian ini memiliki diploma pendidikan, iaitu seramai 28 orang (24.7%). Sementara yang memiliki Ijazah Sarjana Muda seramai 72 orang (63.7%) manakala yang memiliki ijazah sarjana adalah seramai 13 orang (11.5%).

Jadual 2 : Profil Responden.

Profil		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	31	27.4
	Perempuan	82	72.6
Taraf Kelulusan Akademik	Sarjana	13	11.5
	Sarjana Muda	72	63.7
	Diploma	28	24.8
Kategori Sekolah	Luar Bandar	64	56.7
	Bandar	49	43.3
Kursus KBAT yang pernah di hadiri	Ya	51	45.2
	Tidak	62	54.8

Analisis Kajian

Jadual 3 di bawah memaparkan dapatan tentang pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam mengintegrasikan KBAT. Pada umumnya tahap pelaksanaan kurikulum di kalangan guru-guru pendidikan Islam di dalam kajian ini menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi. Semua item yang dikaji dibahagikan kepada 6 indikator utama yang digunakan di dalam pengajaran Dick & Carey dan disertakan dengan elemen KBAT menunjukkan nilai min melebihi 4.00. Aspek tertinggi yang dicatatkan ialah dari aspek pemantauan murid ($M = 4.52$, $SP = 0.502$) dan penyampaian isi pelajaran berdasarkan sukatan pelajaran ($M = 4.52$, $SP = 0.553$).

Sementara item yang mencatatkan nilai min yang lebih rendah tetapi masih tinggi tahap amalannya ialah penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar ($M = 4.00$, $SP = 0.500$). Tahap keseluruhan bagi pelaksanaan pelaksanaan pengajaran guru pendidikan Islam menunjukkan tahap yang tinggi ($M = 4.34$, $SP = 0.350$) berdasarkan jadual 3

Jadual 3: Tahap amalan pelaksanaan pengajaran guru Pendidikan Islam mengintegrasikan KBAT berdasarkan Model Dick & Carey.

Item	Min	SP
A) PENGUASAAN PELAKSANAAN PENGAJARAN		
1. Merancang pengajaran	4.4779	.59907
2. Memastikan semua murid mempunyai pengetahuan yang cukup tentang isi pelajaran	4.3540	.49858
B) PENGETAHUAN KANDUNGAN		
1. Menetapkan objektif pengajaran dengan jelas	4.3650	.49910
2. Menetapkan prinsip-prinsip semasa pengajaran	4.2759	.47568
3. Menetapkan matlamat pengajaran seiring dengan objektif pengajaran	4.4568	.49978
C) KEUPAYAAN MURID UNTUK MELAKSANAKAN		
1. Memastikan murid mempunyai sikap ingin belajar	4.3451	.57894
2. Memastikan isi pelajaran sesuai dengan tahap kebolehan Murid	4.4159	.49508
3. Sentiasa beri motivasi kepada murid supaya berjaya dalam Pelajaran	4.6460	.48033
4. Memberi pujian kepada murid yang belajar bersungguh sungguh	4.5575	.49889

D) PERLAKSANAAN

1. Mempelbagaikan aktiviti dalam pengajaran	4.1504	.48589
2. Menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar dalam Pengajaran	4.0000	.50000
3. Menyampaikan pengajaran dengan jelas, sistematik dan memudahkan pemahaman murid	4.3982	.55965
4. Semua isi pelajaran disampaikan berdasarkan sukatan Pelajaran	4.5221	.55255
5. Sentiasa memberikan nasihat dan bimbingan kepada murid	4.5929	.51125

E) PENGUJIAN

1. Memantau pemahaman murid	4.5221	.50174
2. Banyak memberikan latihan dan kerja rumah	4.1239	.69607
3. Dapat menguruskan rekod kemajuan murid mengikut masa yang ditetapkan	4.2434	.66734
4. Memberikan bimbingan secara individu kepada murid yang Lemah	4.3009	.58072

Daripada jumlah 113 orang guru di dapati yang memahami jelas konsep pengajaran adalah sebanyak (23.5%) manakala yang melaksanakan konsep pengajaran berdasarkan model Dick & Carey dan KBAT walaupun tidak mengetahui itu sebenarnya konsep Dick & Carey adalah (45%) manakala (31.5%) sahaja yang belum pernah mengetahui berkaitan amalan pengajaran berdasarkan model pengajaran Dick & Carey dan KBAT

5.0 PERBINCANGAN

Daripada kajian ini menunjukkan responden kajian ini yang terdiri daripada guru-guru pendidikan Islam memiliki tahap pelaksanaan kurikulum yang berkesan berdasarkan pendekatan model Pengajaran Dick & Carey serta KBAT walaupun tidak mendapat pendedahan berkaitan kaedah pengajaran ini ($M = 4.16$, $SP = 0.551$). Aspek keprihatinan guru merupakan dimensi yang paling tinggi nilai min keseluruhan, iaitu 4.27 ($SP = 0.627$). Diikuti kawalan kelas ($M = 4.16$, $SP = 0.560$). Dimensi yang lebih rendah ialah dari aspek pelaksanaan pengajaran ($M = 4.023$, $SP = 0.700$). Namun begitu, pada keseluruhannya menunjukkan responden memiliki keupayaan untuk melaksanakan kurikulum pendidikan Islam dengan berkesan.

Ini selari dengan saranan (Mok Soon Sang, 2010) yang menyatakan bahawa peranan guru meliputi menganalisis objektif dan kandungan sukatan pelajaran, melengkapkan diri dengan kemahiran mengajar serta mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) di dalam memastikan pengajaran yang berkesan.

Jadual 4 : Keberkesanan pelaksanaan kurikulum mengintegrasikan KBAT berdasarkan Model Dick & Carey

Keberkesanan	Min	SP
1. Analisis	4.0265	.70026
2. Reka Bentuk	4.2655	.62704
3. Pelaksanaan	4.1593	.56008
Keseluruhan	4.1583	.55110

Dari aspek pelaksanaan kurikulum ini, didapati responden amat mementingkan pengajaran berdasarkan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan dan membuat perancangan terlebih dahulu sebelum memulakan aktiviti pengajaran bagi memastikan keberkesanan penyampaian pengajaran. Menurut (Hall et al, 2004; Slavin 2014) yang menyatakan keberkesanan pengajaran bergantung kepada perancangan, pelaksanaan, penilaian terhadap proses dan objektif pembelajaran. Seterusnya penekanan kepada sukatan pelajaran adalah penting dan perlu dikaitkan dengan pengetahuan serta pengalaman murid yang sedia ada (Nagappan, 1998).

Di samping itu, keprihatinan guru yang tinggi terhadap murid-murid akan mewujudkan hubungan komunikasi yang baik antara kedua-belah pihak. Keadaan ini akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih

selari berdasarkan dapatan daripada kajian (Amabile, 2010) dan (Hall et al, 2004; Ong et al, 2016) berpendapat hubungan mesra antara guru dan murid berperanan penting di dalam membantu guru untuk memilih strategi pengajaran yang menarik minat murid dan mewujudkan hubungan kasih sayang antara guru murid dan ini penting bagi perkembangan murid.

IMPLIKASI KAJIAN

Pada umumnya, kajian ini mendapati bahawa tahap pelaksanaan kurikulum yang mengintegrasikan KBAT di kalangan guru-guru pendidikan Islam adalah tinggi. Mengikut (Marsh & Hocevar, 1991; Ismail, 2010.) dan (Brookhart, 2010), faktor amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah seperti keperluan mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan merupakan suatu cabaran yang semakin kompleks di dalam profesion keguruan kini. Untuk itu keperluan latihan dan kursus di kalangan guru-guru yang lebih sistematik perlu dilaksanakan dengan kerjasama daripada Institut Perguruan atau Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Sekiranya ini wujud, kemungkinan besar tahap kefahaman, kecekapan dan kemahiran guru-guru berkenaan berada pada tahap yang lebih baik dan meningkatkan keyakinan guru sendiri di dalam penyampaian pengajaran.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, aspek pelaksanaan kurikulum menekankan elemen pelaksanaan pengajaran, keprihatinan guru dan kawalan bilik darjah adalah antara faktor yang menyumbang kepada keberkesanan sesuatu pengajaran guru di bilik darjah. Apabila guru dapat merancang dengan rapi aktiviti pengajaran ia menyebabkan pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan berkesan dan berkualiti. Pembelajaran yang berkesan akan membawa keseronokan kepada kedua-dua pihak dan seterusnya memberikan impak yang positif kepada perkembangan pengetahuan murid dan seterusnya meningkat pencapaian murid. Oleh itu adalah menjadi harapan agar kurikulum pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT dapat dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara agar dapat melahirkan insan yang beriman dan bertaqwa serta dapat mengamalkan cara hidup Islam di dalam kehidupan seharian.

RUJUKAN

- Abdul-Ghafar, M. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia: Penerbit UTM.
- Abd Karim Zaidan. (2006). *Al-Wajiz fil Usul Fiqh*. Lebanon : Resalah Publishers.
- Amabile, T. M. & J. Pillemer (2012). Perspectives on the social psychology of creativity. *The Journal of Creative Behavior*. **46**(1): 3-15.
- Anderson, L. (2004). *Increasing teacher effectiveness (2nd edition)*, UNESCO International Institute for Educational Planning
- Brookhart, S. M. (2010). *How to assess higher-order thinking skills in your classroom*, ASCD.
- Baba, S. (2009). The integrated approach in Malaysian education: the International Islamic University Malaysia as the model." *Jurnal Pendidikan Islam* **13**(2): 87-99.
- Cohen, P. A. (1981). Student ratings of instruction and student achievement: A meta-analysis of multisection validity studies. *Review of educational research* **51**(3): 281-309.
- Creemers, B. (1991). *Effective instruction, an empirical contribution to the improvement of classroom education*. The Hague: SVO Balansreeks.
- Dick, W., Carey, L. & Carey, J.O. (2006). *The systematic design of instruction*.
- Hall, K., Collins, J., Benjamin, S., Nind, M., & Sheehy, K. (2004). Saturated models of pupilhood: Assessment and inclusion/exclusion. *British Educational Research Journal*, **30**, 801-817.

- Hassan, Z., Said, H., Omar, J. & Hassan, H. (2008). *Pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pengajaran kemahiran hidup bersepadu (ekonomi rumah tangga) di sekolah menengah*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia
- Ismail, N. A. H. (2010). "Malaysian teacher quality for human capital development: a report on teacher quality by various stakeholders." Kementerian Pengajian Tinggi.
- Ghani, A., Siraj, S., Kassim, R., Kenayathulla, H.B. Marzuki, S. & Elham, F. (2013). "Amalan Sekolah Cemerlang Di Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama: Satu Perbandingan." *Online Journal of Islamic Education* 1(2).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Kurikulum)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Pedagogi)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Pentaksiran)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V. & D. W. Morgan (1970). "Determining sample size for research activities." *Educational and psychological measurement* 30 (3): 607-610.
- Lockman, N. L. & S. Noordin (2008). *Tahap Penguasaan Kemahiran Meramal Dan Kemahiran mengawal Pembolehubah Dalam Kalangan Pelajar pendidikan Kimia*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Marsh, H. W. & D. Hocevar (1991). "Students' evaluations of teaching effectiveness: The stability of mean ratings of the same teachers over a 13-year period." *Teaching and teacher education*. 7 (4): 303-314.
- Mok Soon Sang. (2010). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Nawi, N. H. M. (2011). *Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan islamisasi ilmu moden*. Kongres pengajaran dan pembelajaran ; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nagappan, R. (1998). Teaching higher-order thinking skills in language classrooms: the need for transformation of teaching practice. *Paper presented at the 9th International Conference on Thinking, Auckland, New Zealand*.
- Ong, K. K. A., Hart, C.E. and Chen, P.K. (2016). Promoting Higher-Order Thinking Through Teacher Questioning: a Case Study of a Singapore Science Classroom. *New Waves* 19(1): 1.
- Slavin, R. E. (1987). "A theory of school and classroom organization." *Educational Psychologist* 22(2): 89-108.
- Saad, S., Saad, N.S. & Abdullah, M.U. (2012). Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan amalan guru Matematik semasa Pengajaran dan Pembelajaran di bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* 2(1): 18-36.
- Sulaiman, W.M & Pg Hj Hashim. Hjh (2011). Aplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam. *Journal of Applied Research in Education, Vol 15, No.1 & 2, 2011, pp.43-58*.
- Tamuri, A. H & M. K. A. Ajuhary (2010). "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu 'allim." *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1): 43-56.
- Zuraidah Binti Ramdzan@Ramban. (2013). Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu (KSSR). *Tesis M.ed*. Universiti Teknologi Malaysia.